

PENGUASAAN BAHASA WANITA PEKAK DAN IMPAK KEPADA PEMEROLEHAN BAHASA ANAK

Siti Noridayu ABD NASIR*

Hazlina ABDUL HALIM

Ahmad Shuib YAHAYA

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Selangor

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, 43400 Selangor

noridayu87_nasir@yahoo.com

hazlina_ah@upm.edu.my

ahmadshuib@upm.edu.my

ABSTRAK

Impak dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak bermula daripada persekitaran permulaan sejak kelahiran lagi. Ungkapan oleh ibu bapa mempengaruhi pemerolehan bahasa seseorang kanak-kanak. Namun begitu, proses pemerolehan bahasa kanak-kanak yang memiliki ibu Orang Kelainan Upaya (OKU) fizikal masalah pendengaran adalah berbeza. Hal yang demikian kerana, masalah pekak yang dialami memberikan kesan kepada penguasaan bahasa. Oleh yang demikian, kajian ini mempunyai tiga objektif kajian. Pertama, ia dijalankan bagi mengenal pasti faktor dan impak yang berlaku dalam pemerolehan bahasa ibu yang mengalami masalah pendengaran. Teori Jean Piaget diaplikasikan dalam proses analisis data kajian ini melibatkan penguasaan bahasa ibu dan pemerolehan bahasa anak. Kedua, bagi meneliti tahap pemerolehan bahasa anak di bawah penjagaan wanita pekak. Akhir sekali, ketiga bertujuan melihat perkaitan antara Teori Jean Piaget dengan penguasaan bahasa responden ibu dan anak. Kajian ini berbentuk kualitatif yang melalui penelitian yang mendalam, iaitu *in-depth study* terhadap responden. Konklusinya, melalui dapatan kajian menunjukkan penguasaan ibu yang mengalami masalah pendengaran memberikan kesan kepada pemerolehan bahasa anak yang dijaga. Malah, faktor latar belakang keluarga memainkan peranan yang menjadi faktor penguasaan bahasa yang diperoleh. Namun begitu, pemerolehan bahasa yang sering diulang dan digunakan dengan kerap memberikan kesan yang baik bagi meningkatkan pemerolehan bahasa dalam sesuatu aspek.

Kata kunci: penguasaan bahasa ibu, pemerolehan bahasa anak, wanita pekak.

ABSTRACT

The impact on a child's language acquisition starts from the initial environment from birth onwards. Expression by parents influences a child's language acquisition. However, the language

acquisition process of children who have mothers with physical disabilities (OKU) hearing impaired problems is different. This is because, the deaf problem experienced affects the language proficiency. Therefore, this study has three research objectives. First, it was conducted to identify the factors and impacts that occur in the acquisition of mother tongue with hearing impairment. Jean Piaget's theory was applied in the data analysis process of this study involving mother tongue mastery and child language acquisition. Second, to examine the level of language acquisition of children under the care of deaf women. Finally, the third aims to look at the correlation between Jean Piaget's Theory with the language proficiency of mother and child respondents. This study is a qualitative study that goes through in-depth study of the respondents. In conclusion, through the findings of the study showed that the mastery of mothers with hearing problems affects the language acquisition of children in care. In fact, family background factors role plays to that is a factor of acquired language proficiency. However, language acquisition that is often repeated and used regularly has a good effect to improve language acquisition in an aspect.

Keywords: mother tongue proficiency, child language acquisition, deaf women.

1.0 Pengenalan

Bahasa menjadi alat komunikasi yang penting kepada manusia untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Noermanzah (2020) menjelaskan bahawa bahasa sebagai alat komunikasi, citra fikiran dan melambangkan keperibadian (hlm.1). Malah, Noermanzah (2020) menghuraikan bahasa sebagai alat komunikasi sebagai deretan bunyi yang bersistem, berbentuk lambang, bersifat *arbiter*, bermakna, unik, universal, konvensional, produktif, bervariasi, dinamik, manusiawi, dan menjadi alat interaksi sosial bagi menggantikan individu bagi menyatakan sesuatu atau ekspresi kepada penutur lain dalam sesebuah kelompok sebagai alat komunikasi juga indentiti seseorang penutur (hlm.1). Indhumathy a/p Munusamy (2013) memperihalkan bahasa sebagai alat atau cara terpenting untuk manusia berkomunikasi baik secara lisan mahupun tulisan bagi mencapai matlamat-matlamat tertentu dalam hidup, di samping memberi sumbangan yang dominan dalam perkembangan kerjaya seseorang (hlm.5). Namun begitu, kebrkesanan penggunaan bahasa tidak dapat dicapai tanpa penguasaan bahasa yang baik oleh seseorang individu. Hj. Mohd Fauzi Hj. Kamarudin, *et.al*, (2008) menjelaskan bahawa penguasaan bahasa melibatkan empat kemahiran asas, iaitu membaca, mendengar, menulis dan bercakap (hlm.66).

Lazimnya, komunikasi melibatkan lebih daripada seorang individu yang terlibat dengan tujuan menyampaikan maklumat dengan berkesan. Oleh yang demikian, maklumat yang gagal disampaikan dengan berkesan mewujudkan salah faham terhadap sesuatu informasi. Amirul Mukminin Mohamad & Zamri Mahamod (2019) menjelaskan bahawa pembinaan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar yang dimulakan dengan asas bersoal jawab, bukan sahaja membina kemahiran menyoal dan menjawab soalan bahasa Melayu, malah manfaat dan ruang lingkungannya melebihi sempadan itu (hlm.37). Maka, komunikasi berkesan dua hala melibatkan aktiviti soal jawab antara lebih daripada seorang individu. Penguasaan bahasa melibatkan tahap pemerolehan bahasa yang dimiliki oleh seseorang individu. Zalikha Mat Saad & Normahdiah Syeik Said (2015) menjelaskan pemerolehan bahasa merupakan satu bidang dalam ilmu bahasa yang melihat cara manusia memperoleh pengetahuan tentang bahasa dalam aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik dengan rumus yang menentukan kemampuan seseorang

berbahasa (hlm.62). Oleh itu, pemerolehan bahasa melibatkan aspek tatabahasa yang merangkumi semua komponen dalam mengukur tahap pemerolehan bahasa seseorang individu. Zalikha Mat Saad & Normahdiah Syeik Said (2015) menambah lagi bahawa proses pemerolehan bahasa bermula semasa kanak-kanak masih tidak mempunyai pengetahuan bahasa sehinggalah pengetahuan mereka semakin meningkat mengikut kesesuaian tahap umur mereka (hlm.62). Namun begitu, proses pemerolehan bahasa mempunyai perbezaan bagi manusia normal dan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang mengalami masalah pendengaran.

Masalah pendengaran atau pekak dikategorikan sebagai OKU fizikal di Malaysia. Setiap pemegang kad OKU memerlukan pengesahan daripada pakar perubatan bertauliah di hospital kerajaan. Melalui pengesahan tersebut setelah melalui penilaian serta pemeriksaan oleh pakar maka pengeluaran kad OKU dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri masing-masing. Siti Noridayu Abd.Nasir, Hazlina Abdul Halim & Sharil Nizam Sha'ri (2019) menjelaskan bahawa Cacat pendengaran atau pekak merupakan salah satu masalah yang dikategorikan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU). Lazimnya, orang pekak mengalami masalah dalam sistem pendengaran yang menyebabkan mereka tidak dapat menangkap butir percakapan daripada orang lain. Marcia J. Hay-McCutcheon, Adriana Hyams, Xin Yang & Jason Parton (2018) menjelaskan bahawa tahap kehilangan pendengaran adalah berbeza bagi individu yang tinggal di bandar dan luar bandar dengan pengaruh sokongan persekitaran mereka. Hal ini kerana, OKU pendengaran yang tinggal di kawasan bandar mempunyai pelbagai prasarana untuk meningkatkan kadar pemerolehan bahasa mereka. Berbeza dengan OKU pendengaran yang tinggal di luar bandar yang kurang terdedah dengan persekitaran pembelajaran dan pemerolehan bahasa yang baik.

Oleh yang demikian, kajian ini memberikan fokus kepada penguasaan bahasa yang dimiliki oleh Orang Kelainan Upaya (OKU) masalah pendengaran di negeri Perlis. Responden pertama adalah seorang ibu yang mempunyai seorang anak lelaki. Responden ibu berusia 34 tahun semasa kajian dijalankan dan responden anak berusia 4 tahun. Hal ini bagi menjelaskan faktor dan kesan yang berlaku kepada anak yang dilahirkan normal dari aspek fizikal di bawah jagaan ibu yang mengalami masalah pendengaran. Maka, aspek penguasaan bahasa ibu menjadi asas kepada pemerolehan bahasa anak yang dijaga olehnya. Hal ini demikian kerana, masa yang digunakan oleh ibu bersama anaknya adalah lebih panjang kerana faktor usia yang masih belum memasuki alam persekolahan. Hal ini menunjukkan penggunaan bahasa ibu begitu mempengaruhi perkembangan komunikasi anaknya.

2.0 Sorotan Literatur

Kajian lepas atau sorotan literatur memainkan peranan dalam landasan kajian baru yang dijalankan. Oleh yang demikian, dalam sorotan literatur ini aspek penting dalam kajian yang ini dilihat melalui dapatan kajian lepas. Aspek penguasaan bahasa manusia normal, berkeperluan khas, dewasa dan kanak-kanak dilihat melalui kajian bahasa yang dijalankan menggunakan item bahasa Melayu dan Inggeris. Malah, penguasaan bahasa melibatkan bahasa pertama (B1) dan bahasa kedua (B2) responden kajian. Selain itu, sorotan literatur ini bertujuan melihat hasil dapatan kajian lepas berkaitan pemerolehan bahasa yang berlaku kepada manusia. Kemudian, aspek manusia pekak atau yang mengalami masalah pendengaran juga diteliti hasil dapatan kajian lepas. Manakala, kajian lepas yang dilihat juga adalah penggunaan teori yang sama dalam kajian ini. Dapatan kajian

lepas berkaitan Teori Piaget dilihat untuk mengenal pasti hasil kajian lepas dan kajian yang dijalankan ini. Oleh yang demikian, sorotan literatur berkaitan aspek penguasaan bahasa, pemerolehan bahasa, manusia pekak serta Teori Piaget dianalisis terlebih dahulu dan diperjelaskan melalui kajian yang dijalankan sebelum ini.

2.1 Penguasaan Bahasa

Penguasaan bahasa adalah kemampuan seseorang mendapatkan bahasa dan menguasainya dalam perbandaharaan kata serta tatabahasa sesuatu bahasa. Namun begitu, pelajar yang mengambil jurusan bahasa asing menganggap bahasa pertama adalah tidak penting. Anida Sarudin, Dahlia Janan, Zulkifli Osman & Ahmad Khair Mohd Noor (2016) mengkaji berkaitan penguasaan bahasa Melayu kanak-kanak pada peringkat prasekolah. Kajian ini melibatkan 75 orang kanak-kanak berusia tiga hingga lima tahun dengan menguji soalan menggunakan item bahasa (fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik) melalui temu bual dan soal selidik. Hasil menunjukkan terdapat dapatan songsang dalam penguasaan bahasa kanak-kanak dalam aspek linguistik kerana pengaruh dalam penyusunan bahagian dalam linguistik melalui proses pembelajaran. Kemudian, Maharam Mamat (2016) menjalankan kajian dalam penguasaan bahasa Inggeris kepada pelajar tahun satu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Hasil kajian mendapati bahawa penguasaan bahasa Inggeris pelajar tahun satu berada pada tahap band 2 dalam MUET. Namun begitu, pelajar tidak ada masalah dalam menjalankan rujukan serta aspek hiburan dalam bahasa Inggeris. Mereka hanya menghadapi masalah dalam komunikasi, lisan dan menulis bahasa Inggeris. Christine Anak Linsah & Zamri Mahamod (2018) kajian penguasaan bahasa pelajar etnik Bidayuh Bukar Sadung dalam pembelajaran bahasa Melayu menggunakan peta pemikiran I-Think. Dapatan mencatatkan bahawa pengetahuan menggunakan peta pemikiran I-Think berada pada tahap yang rehdah. Bagaimanapun, tahap pengetahuan penggunaan peta pemikiran I-Think dalam PdPc Bahasa Melayu adalah sederhana dan penerimaan berada pada tahap yang tinggi atau baik. Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman (2018) menjalankan kajian berkaitan penguasaan kemahiran bahasa Melayu kepada murid bukan kalangan penutur natif. Keputusan menunjukkan majoriti murid berada pada tahap 4 (55.7%) tidak fah bertutur. Oleh itu, tahap kemahiran bertutur murid di SJK Daerah Kuantan berada pada tahap yang sederhana. Nurmasturah Jamil, Noor Asliza Abdul Rahim & Shuhairimi Abdullah (2020) menjalankan kajian penguasaan kosa kata dalam komunikasi bahasa asing. Hasil dapatan menunjukkan sebahagian besar pelajar yang mempelajari bahasa Arab (bahasa asing) menghadapi masalah dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab. Hal ini menyebabkan berlaku gangguan dalam komunikasi lisan serta penulisan dalam bahasa Arab.

2.2 Pemerolehan Bahasa

Pemerolehan bahasa adalah bahasa yang diperoleh melalui proses lisan atau bertulis yang melibatkan aspek tatabahasa seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Alam Budi Kusuma (2016) menjalankan kajian tentang pemerolehan bahasa pertama yang menjadi dasar dalam pembelajaran bahasa kedua. Kajian ini menunjukkan terdapat dua proses yang berlaku semasa proses pemerolehan bahasa, iaitu kecekapan dan prestasi. Proses ini adalah berbeza kerana kecekapan adalah penguasaan tatabahasa secara tidak sedar. Dailatus Syamsiyah (2017)

menjalankan kajian dalam analisis deskriptif dalam teori pemerolehan bahasa kedua. Kajian ini memfokuskan kepada teori pemerolehan bahasa kedua yang dibangunkan oleh B.F Skinner, Noam Chomsky dan Stephen D Krashen. Dapatan menunjukkan ketiga-tiga teori ini memberi gambaran yang luas tentang aspek empirikal dan intuitif dalam proses pemerolehan bahasa kedua. Deny Prasetiawan (2017) menjalankan kajian pemerolehan bahasa anak suku Sasak dalam perspektif psikolinguistik. Keputusan kajian menunjukkan pemerolehan bahasa kanak-kanak berusia empat tahun lima bulan (responden) berada pada peringkat perkembangan ayat. Responden terbiasa dengan corak dialog dan memahami giliran dalam percakapan. Malah, responden dapat menguasai tatabahasa asasi orang dewasa dengan perkembangan kosa kata yang digunakan dan hanya menghadapi masalah dalam menyebut beberapa huruf konsonan. Nur Nadirah Zulkefli & Vijayaletchumy Subranamian (2018) menjalankan kajian paralinguistik dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak. Hasil kajian menunjukkan hampir semua kanak-kanak menggunakan bantuan bahasa badan dalam komunikasi mereka. Ia bagi melancarkan proses pemerolehan bahasa terutamanya bagi kanak-kanak. Weli Sundari (2018) menjalankan kajian pemerolehan bahasa yang menunjukkan pemerolehan bahasa pertama yang berkait rapat dengan perkembangan kognitif kanak-kanak. Oleh itu, penghasilan pertuturan yang teratur berlaku tetapi tidak secara automatik kerana penutur perlu mendapatkan kognitif yang mendasari makna semula jadi bahasa. Muhammad Norsyafiq Bin Zaidi, Nur Shahira Binti Mohd Hussni, Wan Nur Azira Binti Wan Mahmood, Che Nor Sirrah Binti Che Ismadi & Karim Harun (2019) menjalankan kajian tentang tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak dari aspek sintaksis. Dapatan kajian menunjukkan hasil pengiraan MLU yang dipelopori oleh Brown, kanak-kanak berada pada fasa akhir sebelum memasuki fasa yang sepatutnya dikuasai. Melalui Tahap Perkembangan Brown atau *Brown's Stage Development* mendapati kanak-kanak berkembang hampir dengan perkembangan yang seharusnya mereka miliki.

2.3 Cacat Pendengaran atau Pekak

Cacat pendengaran atau dikenali sebagai pekak adalah masalah kecacatan fizikal yang dikategorikan sebagai Orang Kelainan Upaya (OKU) masalah fizikal di Malaysia. Nik Hassan Seman, Mustafa Che Omar, Abdullah Yusoff & Mohd Yusof Abdullah (2016) mengkaji tentang masalah pelajar cacat pendengaran dalam subjek Pendidikan Islam di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan pelajar cacat pendengaran mengalami masalah dari segi kemahiran bahasa. Oleh itu, kelemahan dalam kemahiran bahasa memberikan kesan kepada pembelajaran subjek Pendidikan Islam yang memerlukan penambahbaikan dalam sistem pembelajaran mereka. Muhamad Nadhir Abdul Nasir & Alfa Nur Aini Erman Efendi (2016) menjalankan kajian berkaitan pendidikan khas kepada kanak-kanak di Malaysia dengan melihat aspek kemahuan dan halangan. Hasil dapatan menunjukkan wujudnya perkembangan positif dalam penggubalan kurikulum yang sesuai kepada pelajar berkeperluan khas melalui program pengesanan awal. Namun begitu, terdapat halangan dalam program intervensi awal, kemudahan dan bahan pengajaran yang mencukupi. Ia memerlukan penyertaan oleh banyak pihak dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan serta penilaian. Ratna Hanin Salleh Udin (2016) menjalankan kajian tentang cara meningkatkan pertuturan dan pembacaan murid bermasalah pendengaran melalui kaedah sebut baca bergambar.

Dapatan menunjukkan murid bermasalah pendengaran boleh menguasai pertuturan dan bacaan kvkv menggunakan kaedah sebut baca bergambar. Kemudian, Khalid N. Alasim (2018) menjalankan kajian tentang penglibatan dan interaksi pelajar cacat pendengaran di dalam kelas inklusif. Dapatan menunjukkan murid pekak dan kurang pendengaran menghadapi halangan dalam interaksi bilik darjah serta memerlukan strategi khas untuk membantu mereka. Siti Muhibah binti Hj. Nor & Zetty Nurzuliana Rashed (2018) menjalankan kajian tentang peranan serta cabaran guru pendidikan khas untuk membentuk kemenjadian murid cacat pendengaran dalam abad ke 21. Kajian mendapati murid cacat pendengaran memerlukan pendidikan yang sesuai mengikut kemampuan mereka. Oleh itu, guru pendidikan khas perlu bersedia dengan pelbagai pengetahuan, kemahiran serta kepakaran bagi membantu mereka. Kayi Ntinda, S'lungile K. Thwala & Bonginkhosi Tfusi (2019) menjalankan kajian berkaitan pengalaman guru murid cacat pendengaran di sekolah pendidikan khas. Dapatan menunjukkan terdapat keperluan bagi mempertimbangkan hasil pengajaran dan pembelajaran yang positif untuk masa depan pelajar cacat pendengaran. Malah, pengalaman guru dan persekitaran serta budaya penting dalam pelaksanaan program bagi menyokong pelajar pekak serta kurang pendengaran dalam proses pembelajaran mereka. Constantinos N. Mantzikos & Christina S. Lappa (2020) menjalankan kajian tentang kesukaran dan halangan dalam pendidikan individu pekak dan kurang pendengaran dalam pandemik covid-19. Kajian mendapati era pandemik covid-19 memberikan kesan kepada ekonomi dan pendidikan khas kepada pelajar pekak dan kurang pendengaran. Malah, memberikan kesan peminggiran yang besar kepada mereka dalam pendidikan. Izuli Dzulkifli, Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhruddin & Nor Aniza Ahmad (2020) menjalankan kajian tentang cabaran komunikasi dalam pengajaran Pendidikan Islam kepada pelajar bermasalah pendengaran. Keputusan kajian mendapati wujudnya ketidakselarasan dalam komunikasi antara guru semasa pengajaran Pendidikan Islam kepada murid cacat pendengaran. Hal ini kerana, berlaku kekurangan kod atau tanda serta kurangnya kemahiran dalam menggunakan bahasa isyarat dalam subjek Pendidikan Islam. Jane Frances Kelly, Emma Louise McKinney & Odette Swift (2020) menjalankan kajian tentang kekuatan guru dalam pendidikan dalam menyokong pelajar pekak. Keputusan kajian menunjukkan pelajar pekak mengalami kesukaran yang ketara dalam komunikasi dengan guru mereka. Selain itu, guru pelajar pekak di Afrika Selatan tidak cukup terlatih dalam memahami keperluan pendidikan kepada pelajar mereka.

2.4 Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1960)

Teori Perkembangan Kognitif Piaget dibangunkan pada tahun 1960 oleh Jean Piaget seorang penyelidik dalam bidang psikologi. Teori ini digunakan dalam kajian berkaitan manusia normal dan berkeperluan khas yang melibatkan pelbagai peringkat usia. Ia tidak terbatas dengan usia manusia yang merangkumi sejak kelahiran hingga melepasi angka usia manusia dewasa. Kajian dan aplikasi dalam teori ini adalah mengikut empat tahap usia manusia. Peringkat sensomotor (sejak lahir hingga dua tahun), kedua adalah peringkat pra operasi (dua hingga tujuh tahun, ketiga adalah peringkat operasi konkrit (tujuh hingga sebelas tahun) dan operasi formal (dua belas tahun ke atas). Ankit Patel (2017) menjalankan kajian tentang Jean Piaget bermula tahun 1896 hingga 1980. Kajian ini memfokuskan kepada keterlibatan Jean Piaget dalam kehidupan dan kerjayanya. Termasuklah sumbangannya dalam bidang akademik dan pengenalan teori yang memberikan kebaikan dalam dunia penyelidikan. Ridho Agung Juwantara (2019) menjalankan kajian berkaitan

analisis Teori Perkembangan Kognitif Piaget pada tahap usia kanak-kanak pada (tujuh hingga dua belas tahun) dalam pembelajaran Matematik. Hasil kajian menunjukkan wujudnya landasan guru dalam mengajar bagi menjadikan subjek Matematik lebih efisien, efektif dan menepati sasaran. Zana H. Babakr, Pakistan Mohamedamin & Karwan Kakamad (2019) menjalankan kajian tentang kajian mendalam Teori Perkembangan Kognitif Piaget. Dapatan menunjukkan dari segi pendekatan metodologi Teori Piaget mempunyai beberapa masalah etika dan berat sebelah semasa kajian dijalankan kepada anak-anaknya sendiri. Namun begitu, Piaget telah memberikan sumbangan besar dalam proses pendidikan kanak-kanak dalam pemindahan kognisi di dalam psikologi. Leny Marinda (2020) menjalankan kajian tentang Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget dan masalah kepada kanak-kanak di peringkat sekolah rendah. Dapatan menunjukkan masalah berlaku apabila kanak-kanak di peringkat sekolah rendah mengalami masalah seperti disleksia, disgrafia dan diskalkulia. Muhammad Khoiruzzadi & Tiyas Prasetya (2021) menjalankan kajian tentang Perkembangan kognitif dan kesannya dalam dunia pendidikan. Kajian ini memberikan fokus kepada pemikiran Jean Piaget dan Vygotsky. Nuryati & Darsinah (2021) menjalankan kajian tentang implementasi Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget dalam pembelajaran Matematik peringkat sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan penelitian ini bertujuan menghasilkan pembelajaran yang lebih efektif dan efisien dan tepat dengan pemahaman model Teori Piaget.

3.0 Kerangka Teori

Kajian yang dijalankan ini hasil penelitian daripada analisis penyelidikan yang dijalankan oleh Izuli Dzulkifli, Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhrudin & Nor Aniza Ahmad (2020). Oleh itu, bertitik tolak daripada kajian tentang cabaran yang berlaku dalam pengajaran subjek Pendidikan Islam kepada pelajar yang mengalami masalah pendengaran. Dalam kajian ini pula memfokuskan kepada penguasaan bahasa yang dimiliki oleh responden ibu cacat pendengaran dengan melihat kesan kepada responden anak yang dilahirkan normal. Dalam kajian lepas memperlihatkan bahawa berlaku halangan dalam komunikasi kerana kekurangan simbol dan kemahiran penggunaan bahasa isyarat dalam pengajaran subjek kepada pelajar cacat pendengaran. Hal ini menunjukkan, responden ibu yang tidak mendapat bahasa dengan baik mempunyai penguasaan perbendaharaan kata yang terhad dalam sesuatu bahasa. Malah, Nur Nadirah Zulkefli & Vijayaletchumy Subranamian (2018) menjelaskan bahawa hampir semua kanak-kanak menggunakan bantuan bahasa badan bagi mendapatkan bahasa dalam proses komunikasi. Kekurangan pengetahuan dalam kemahiran bahasa isyarat menjejaskan perkembangan penguasaan bahasa kepada responden ibu untuk mendapat bahasa semasa proses perkembangannya berlaku. Dalam perkembangan pemerolehan bahasa kanak-kanak mereka mempelajari bahasa secara semulajadi pada peringkat awal. Selain itu, Ahwy Oktradiks (2013) dalam penelitian kajiannya mendapati pemerolehan bahasa pertama perlu melalui proses pengenalan bunyi dalam aspek fonologi serta lambang yang merangkumi aspek semantik. Ahwy Oktradiks (2013) menyatakan bahawa melalui proses bunyi serta lambang membawa kepada aspek yang lebih besar bagi memahami sesuatu perkataan dan menzahirkan melalui pertuturan. Maka, kajian ini bertujuan memperlihatkan sejauh mana kemampuan responden anak menzahirkan bahasa melalui pemerolehan yang dimilikinya dalam bahasa pertama.

4.0 Objektif Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada tiga objektif, iaitu:

- i. Mengenal pasti faktor dan impak yang berlaku dalam pemerolehan bahasa ibu yang mengalami masalah pendengaran.
- ii. meneliti tahap pemerolehan bahasa anak di bawah penjagaan wanita pekak.
- iii. melihat kaitan Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1960) dengan penguasaan bahasa responden ibu dan pemerolehan bahasa responden anak.

5.0 Metodologi

Metodologi yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah kajian kepustakaan. Dalam kajian ini bahan ilmiah seperti teks yang melibatkan artikel akademik seperti jurnal, kertas kerja dan buku ilmiah digunakan. Bahan ilmiah yang digunakan adalah merangkumi aspek penguasaan bahasa, pemerolehan bahasa, manusia cacat pendengaran dan Teori Piaget. Bahan ilmiah ini diakses melalui web dan secara fizikal yang mempunyai rujukan yang tepat. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang mengkaji responden secara terperinci daripada aspek latar belakang hingga penguasaan bahasa yang digunakan kini. Oleh itu, kajian ini bersifat *in- depth study* yang melibatkan dua orang responden yang saling berkaitan. Dalam kajian ini dua orang responden itu dinamakan sebagai responden ibu adalah wanita yang mengalami masalah cacat pendengaran sejak lahir serta responden anak adalah kanak-kanak lelaki yang merupakan anak kepada responden ibu. Data kajian ini diperoleh melalui pertuturan yang berlaku antara responden ibu dan anak yang dijalankan selama tiga hari. Rakaman dijalankan kepada responden dengan melakukan transkripsi pertuturan serta tindakan tidak verbal untuk data kajian ini. Oleh itu, rakaman ini mempunyai batasan dengan mengambil kira situasi yang melibatkan komunikasi penting yang berlaku antara responden ibu dan responden anak. Ia melibatkan pertuturan serta penggunaan tidak verbal mereka semasa proses responden anak ingin ke tandas, meminta makanan dan menunjukkan protes terhadap sesuatu yang tidak diingini. Selain itu, kajian ini mengaplikasikan Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1960) yang memperkenalkan empat tahap dalam perkembangan manusia. Di mana, pada tahap pertama atau peringkat sensomotor bermula sejak kelahiran hingga usia mencapai dua tahun, kedua pada peringkat pra operasi pada usia dua tahun sehingga usia tujuh tahun, peringkat ketiga atau operasi konkrit pada usia tujuh tahun hingga sebelas tahun dan peringkat keempat atau formal adalah usia dua belas tahun ke atas. Oleh itu, responden ibu seharusnya berada pada tahap keempat dalam Teori Piaget dan responden anak berada pada tahap kedua.

6.0 Dapatan dan Perbincangan

Data kajian diperoleh melalui rakaman yang dijalankan ke atas pertuturan serta perlakuan tidak verbal responden ibu dan responden anak. Kajian dijalankan di negeri Perlis pada 11hb November

2021 hingga 13 November 2021, selama tiga hari. Pengkaji menghadkan hanya lima situasi dirakam pada setiap hari. Ia bertujuan melihat tindakan responden dalam komunikasi yang berlaku antara mereka. Oleh itu, terdapat 15 situasi dalam komunikasi yang dianalisis dengan menghubungkan Teori Piaget dalam perolehan data kajian ini. Keputusan kajian dibahagikan kepada tiga bab kecil bagi menjawab objektif kajian ini.

6.1 Faktor dan impak yang berlaku dalam pemerolehan bahasa ibu yang mengalami masalah pendengaran.

Kanak-kanak memperoleh bahasa pertama melalui ibu bapa atau penjaga yang bermula dari rumah. Bahasa ibunda lazimnya diperoleh melalui percakapan oleh ibu bapa yang mula didengar oleh kanak-kanak sejak bayi lagi. Namun begitu, bagi kanak-kanak yang mempunyai penjaga daripada kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU) fizikal tentu sekali mengalami proses pemerolehan bahasa yang berbeza. Oleh itu, kajian ini bertujuan melihat bagaimana proses pemerolehan bahasa bagi kanak-kanak yang mempunyai seorang ibu OKU fizikal. Responden adalah seorang wanita yang dikategorikan sebagai OKU masalah pendengaran atau pekak. Manakala, anak di bawah jagaan wanita pekak tersebut adalah responden kedua yang berusia empat tahun.

Pemerolehan bahasa pertama bermula sejak lahir lagi melalui sebutan yang diperdengarkan kepada seseorang bayi. Namun begitu, bagi seorang wanita pekak mereka memiliki penguasaan bahasa yang terhad. Hal ini kerana, OKU pekak tidak mendapat bahasa seperti manusia normal. Tahap pendengaran mereka yang terhad menyebabkan bahasa yang didengar juga diterima dengan had tertentu. Malah, pemerolehan bahasa bagi OKU pekak memerlukan bantuan bahasa badan bagi memberikan mereka pemahaman agar lebih berkesan. Tidak semua OKU pekak mendapat bahasa secara formal di institusi pendidikan seperti penguasaan bahasa isyarat. Hal ini kerana, latar belakang seseorang OKU adalah berbeza mengikut persekitaran mereka.

Responden (ibu) merupakan seorang wanita pekak yang berusia 34 tahun yang tinggal di negeri Perlis. Tahap pendidikan responden (ibu) hanya pada peringkat sekolah menengah. Namun begitu, responden hanya berekolah hingga tingkatan tiga sahaja. Oleh yang demikian, tahap penguasaan bahasa pertama responden (ibu) secara formal berada pada tahap yang rendah. Malah, responden (ibu) hanya memilih untuk bersekolah dengan berada di kelas bersama pelajar normal lain. Pendedahan tentang pendidikan kepada OKU masih tidak meluas ketika itu. Maka, penjaga responden (ibu) hanya menghantar ke sekolah terdekat yang tidak mempunyai kelas pendidikan khas ketika itu. Oleh itu, penjaga dan responden mengambil keputusan untuk tidak meneruskan persekolahan selepas usia 15 tahun atau selepas peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) ketika itu.

Pencapaian yang tidak memberangsangkan berlaku kerana silibus yang dipelajari tidak sesuai untuk pelajar yang mengalami masalah OKU pekak. Pemerolehan bahasa yang terhad menghalang responden (ibu) mendapat bahasa sama seperti pelajar normal. Selepas itu, responden (ibu) hanya mendapat bahasa secara tidak formal melalui komunikasi dengan orang sekelilingnya.

Walau bagaimanapun, responden (ibu) seorang OKU fizikal yang hanya mengalami masalah pendengaran sahaja. Oleh itu, responden (ibu) dapat melakukan tugas di rumah seperti memasak, mengemas rumah, mencuci pakaian dan sebagainya dengan baik. Pembelajaran berlaku secara tidak formal yang melibatkan tugas harian seorang wanita. Arahan dan proses pembelajaran berlaku secara tidak formal melibatkan komunikasi verbal dan tidak verbal.

Proses pembelajaran yang dilalui oleh responden (ibu) di rumah melalui arahan ahli keluarga yang menggunakan percakapan oral melalui gerak bibir. Responden (ibu) melihat gerak bibir dengan mengulangi semula perkataan tersebut dengan apa yang didengarinya walaupun tidak jelas. Selain itu, ahli keluarga responden (ibu) menggunakan bahasa badan bagi menunjukkan sesuatu arahan yang dimaksudkan. Dalam arahan tersebut ahli keluarga responden (ibu) melakonkan sesuatu arahan agar mudah difahami. Lazimnya, responden (ibu) memahami arahan yang diberikan dan dapat melakukan dengan baik. Maka, pemerolehan bahasa responden (ibu) menggunakan komunikasi percakapan yang dibantu dengan bahasa badan yang sesuai oleh orang sekeliling.

Masalah utama dalam penguasaan bahasa responden (ibu) adalah tulisan abjad rumi yang tidak dapat dibaca seperti manusia normal. Responden hanya mengenali abjad rumi tetapi gagal untuk mengeja dan membaca perkataan. Hal ini berlaku kerana, masalah pendengaran yang dialami telah menghadkan sesuatu perkataan yang diajarkan. Malah, setiap perkataan yang dilihat oleh responden (ibu) adalah sesuatu yang sukar untuk dikuasai olehnya. Ia berpunca daripada masalah pendengaran yang tidak dirawat dari peringkat awal lagi. Responden (ibu) tidak pernah mendapat rawatan dan menggunakan alat bantu pendengaran sehingga usia meningkat 25 tahun. Kesannya, responden (ibu) mengikuti proses pembelajaran formal dengan keadaan yang terhad dan tidak mendapat bahasa dengan baik.

Malah, dalam sistem pendidikan formal di sekolah penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama (B1) dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (B2) menjadi bahasa pengantar yang perlu dikuasai. Kegagalan menguasai B1 dan B2 menyebabkan seseorang pelajar akan terketinggalan dalam menguasai setiap subjek. Jika penguasaan B1 gagal dikuasai dengan baik bagi penutur utama bahasa Melayu maka berlaku kesukaran juga dalam penguasaan B2 yang menggunakan bahasa asing. Tambahan lagi, responden (ibu) adalah penduduk di kawasan luar bandar yang tidak menggunakan B2 di rumah kerana tiada pendedahan daripada ahli keluarga.

Latar belakang pendidikan penjaga responden (ibu) menjadi salah satu faktor yang memberikan kesan kepada pemerolehan bahasa B1 dan B2. Hal ini kerana, di kawasan luar bandar penggunaan bahasa dialek daerah di sesuatu negeri digunakan dalam komunikasi harian. Malah, tahap pendidikan yang rendah mempengaruhi penggunaan bahasa dalam komunikasi bersama ahli keluarga. Situasi ini berlaku dalam persekitaran kehidupan seharian responden (ibu) bagi proses komunikasi bersama ahli keluarganya. Penggunaan dialek utara (Perlis) menjadi bahasa utama dalam komunikasi secara verbal bagi menyampaikan sesuatu maklumat. Walaupun, responden (ibu) telah mula menggunakan alat bantu pendengaran yang diberikan oleh pihak hospital tetapi penggunaan bahasa formal tidak dapat dikuasai.

Maka, pengaruh dialek daerah (Perlis) menjadi bahasa yang didengari dan mula disebut oleh responden (ibu). Bahasa Melayu formal tidak diperolehi oleh responden (ibu) kerana pengaruh

penggunaan dialek yang meluas dalam persekitarannya. Penggunaan bahasa Inggeris atau B2 tidak digunakan dalam komunikasi ahli keluarganya kerana tahap pendidikan mereka yang rendah. Oleh yang demikian, pemerolehan bahasa yang diterima oleh responden (ibu) begitu terhad dan lemah dengan tidak mendapat bahasa Melayu baku serta tidak mendapat B2 yang menjadi bahasa kedua di Malaysia. Tanpa penguasaan B1 dan B2 sesuatu informasi di Malaysia gagal disampaikan dengan berkesan. Begitu juga situasi yang berlaku dalam bidang berkaitan akademik yang menekankan kepentingan penguasaan B1 dan B2 untuk mendapat keputusan yang cemerlang.

Oleh itu, latar belakang responden menunjukkan faktor kegagalan penguasaan bahasa B1 dan B2 yang baik terhadap responden (ibu). Impak persekitaran, pendidikan penjaga responden (ibu) dan kurangnya pendedahan tentang keperluan OKU memberikan kesan yang besar dalam pemerolehan bahasa seseorang individu. Dialek yang digunakan dapat membantu responden (ibu) dalam komunikasi dan tugas hariannya tetapi memberi masalah dalam memahami maklumat lain. Maklumat melalui media cetak dan elektronik di Malaysia menggunakan bahasa Melayu baku dan Inggeris dengan meluas. Maka, responden (ibu) tidak dapat memahami dengan baik maklumat daripada media cetak dan elektronik tanpa bantuan penerangan daripada orang sekelilingnya.

Namun begitu, responden (ibu) dilihat tidak mempunyai masalah dalam penggunaan wang kertas dan syiling. Hal ini demikian kerana, ahli keluarga responden (ibu) telah memberikan pendedahan penggunaan wang sejak kecil lagi. Selain itu, wang kertas dan syiling merupakan item yang boleh dipegang dan dilihat dengan menggunakan pancaindera responden (ibu). Hal ini menunjukkan, penguasaan dalam penggunaan sesuatu berkaitan angka dapat dilakukan dengan kelancaran. Malah, ia menunjukkan pemerolehan bahasa tentang angka diterima dengan baik oleh responden (ibu). Selain itu, responden (ibu) dapat membuat pengiraan wang apabila membeli sesuatu item dengan melihat angka yang tertera pada barang.

Apabila ditunjukkan angka yang tertera pada sesuatu barang, responden (ibu) dapat menuturkan dengan jelas. Malah, responden (ibu) menunjukkan dengan jarinya berapa angka yang disebut. Hal ini menunjukkan, berlakunya pemerolehan bahasa yang baik semasa proses pembelajaran responden (ibu) dalam pengiraan wang sejak kecil. Penguasaan yang baik ini menunjukkan sesuatu pendidikan formal atau tidak boleh diterima oleh responden (ibu) jika dilakukan secara berulang kali. Selain itu, proses penggunaan wang penting dalam kehidupan responden (ibu) dan dilakukan setiap hari dalam urusannya. Responden (ibu) tidak mempunyai masalah untuk membuat pengiraan baki wang apabila membeli sesuatu item di kedai. Oleh itu, dari aspek pengurusan kewangan tidak menjadi masalah kerana responden (ibu) mempunyai penguasaan bahasa yang baik melalui aplikasi dalam kehidupannya.

6.2 Tahap pemerolehan bahasa anak di bawah penjagaan wanita pekak.

Peranan ibu bapa mahupun penjaga kepada kanak-kanak memainkan peranan yang penting dalam pemerolehan bahasa ibunda atau bahasa pertama anak mereka. Malah, pemerolehan bahasa bermula sejak bayi lagi dengan perkataan yang dituturkan oleh penjaga. Bagi kanak-kanak normal proses pemerolehan bahasa mereka lebih mudah dan lancar yang bermula dengan perkataan yang mereka dengar. Ungkapan yang berulang kali dapat memberikan kesan pemerolehan bahasa yang

baik. Semakin kerap sesuatu perkataan diperdengarkan maka semakin mudah perkataan tersebut berfungsi dalam memori kanak-kanak. Perkataan yang jarang diungkapkan lazimnya berfungsi pada memori jangka masa pendek sahaja jika kanak-kanak juga tidak menggunakan perkataan tersebut. Namun begitu, ungkapan perkataan yang disebut berulang kali oleh penjaga seorang kanak-kanak dapat berfungsi dengan baik dalam memori jangka masa panjang mereka. Maka, ungkapan perkataan oleh penjaga memberikan kesan dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak dalam proses pembelajaran bahasa secara tidak formal.

Dalam kajian ini juga melibatkan dua orang responden penting yang saling berkomunikasi, iaitu responden (ibu) dan responden (anak). Oleh itu, responden (anak) adalah seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun. Kanak-kanak ini merupakan seorang anak tunggal yang dimiliki oleh responden (ibu). Selain itu, kanak-kanak lelaki ini tinggal bersama responden (ibu) dan ayahnya sahaja. Oleh yang demikian, peranan responden (ibu) sebagai ibu menjadi orang terdekat dengan responden (anak) di rumah. Malah, responden (ibu) adalah suri rumah sepenuh masa yang menjada responden (anak) sejak lahir lagi.

Maka, sumber utama pemerolehan bahasa yang diterima oleh responden (anak) adalah melalui ibunya yang meluangkan lebih banyak masa bersama. Keadaan fizikal responden (anak) adalah seorang kanak-kanak yang dilahirkan secara normal dari aspek fizikal. Tidak mempunyai sebarang kecacatan yang melibatkan fizikal seperti responden (ibu). Dari aspek fizikal, responden (anak) boleh mendengar, melihat, bergerak dan mengeluarkan suara dengan baik. Oleh itu, responden (anak) mempunyai fizikal yang sempurna seperti kanak-kanak normal lain. Malah, responden (anak) mempunyai selera makan yang baik dan tidak mengalami masalah kekurangan berat badan dan penyakit serius yang lain. Oleh itu, jadual di bawah menunjukkan hasil dapatan kajian dalam dialog dan tindakan tidak verbal yang berlaku antara responden ibu dan responden anak.

Bil.	Tarikh	Masa	Dialog (Verbal)	Tindakan Non Verbal
1.	11 Nov 2021	7.46 am	Responden ibu : Nat akan? Responden anak: Amauuu...(menjerit)	Responden ibu : Mengangguk kepala sambil bertanya. Responden anak: Menggelengkan kepala.
2.	11 Nov 2021	9.12 am	Responden ibu : Nat andi? Responden anak: Amauuu...(menjerit)	Responden ibu : Mengangguk kepala sambil bertanya. Menunjukkan ke arah bilik air. Responden anak: Menggelengkan kepala dan memprotes membantah.
3.	11 Nov 2021	11.27 am	Responden ibu : Nat usu? Responden anak: Tiada pertuturan verbal.	Responden ibu : Mengangguk kepala sambil menunjukkan botol susu. Responden anak: Menganggukkan kepala.
4.	11 Nov 2021	2.43 pm	Responden ibu : Nat akan?	Responden ibu :

			Responden anak: Tiada pertuturan verbal.	Mengganggu kepala sambil membawa sepinggan makanan. Responden anak: Menggangukan kepala dan reaksi teruja ingin makan.
5.	11 Nov 2021	4.24 pm	Responden anak : Nat piii...(menjerit) Responden ibu : Pi tanaaa...	Responden anak : Menjerit dan menunjukkan tandas. Responden ibu : Menunjukkan arah ke tandas tanda faham.
6.	12 Nov 2021	8.23 am	Responden anak : Aaaaa...(menjerit) Responden ibu : Mau...akannn...	Responden anak : Menjerit dan menunjukkan makanan untuk makan. Responden ibu : Mengambil makanan dan menyuapkan.
7.	12 Nov 2021	12.46 pm	Responden anak : Aaaaa...(menjerit) Responden ibu : Nokkk...akannn anyakkk...	Responden anak : Menjerit meminta nasi yang dilihat. Responden ibu : Mengambil sambil merungut dan menggelengkan kepala.
8.	12 Nov 2021	2.31 pm	Responden ibu : Apo ni...cinnn... Responden anak: Tiada pertuturan verbal.	Responden ibu : Memarahi kerana responden anak membuang air kecil dan menjegilkan mata. Responden anak: Ketawa dengan reaksi suka.
9.	12 Nov 2021	4.52 pm	Responden ibu : Pi andi...usuk! Responden anak: Amauuu...(menjerit)	Responden ibu : Memarahi kerana responden anak tidak mahu mandi dan berbau busuk. Responden anak: Menjerit dan memprotes tanda tidak mahu mandi.
10.	12 Nov 2021	5.12 pm	Responden ibu : Haiii...angan! Responden anak: Tiada pertuturan verbal.	Responden ibu : Melarang responden anak memegang gelas kaca. Responden anak: Ketawa dengan reaksi suka.
11.	13 Nov 2021	9.23 am	Responden ibu : Mai...akan! Responden anak: Amauuu...(menjerit)	Responden ibu : Memanggil responden anak untuk makan. Responden anak: Menjerit tidak mahu kerana ingin bermain.
12.	13 Nov 2021	11.54 am	Responden anak : Amauuu...(menjerit) Responden ibu : Awattt...nat lenooo...	Responden anak : Menangis sambil menjerit kerana mengantuk. Responden ibu : Meletakkan di atas bantal dan menepuk responden anak.
13.	13 Nov 2021	1.27 pm	Responden anak : Tiada pertuturan verbal. Responden ibu : Nak usuuu...	Responden anak : Hanya menangis. Responden ibu :

				Menunjukkan botol susu sambil mengangguk.
14.	13 Nov 2021	3.46 pm	Responden ibu : Ni...! Responden anak: Tiada pertuturan verbal.	Responden ibu : Mengangkat tangan untuk menampar kerana responden anak mengganggu orang lain. Responden anak: Tidak mempedulikan.
15.	13 Nov 2021	6.18 pm	Responden ibu : Buasss ni...! Responden anak: Aaaa...(menjerit)	Responden ibu : Menampar kaki responden anak kerana bermain lumpur. Responden anak: Menjerit tanda protes.

Jadual 1.0: Dialog Verbal dan Tindakan Non Verbal Responden Ibu dan Anak.

Dari aspek fizikal dan kesihatan, responden (anak) mempunyai tahap prestasi yang baik sejak lahir lagi. Selain itu, responden (anak) mempunyai suara untuk dikeluarkan dan tidak mempunyai masalah untuk menjerit apabila tidak bersetuju tentang sesuatu perkara. Jika menolak sesuatu yang tidak menepati kemahuan responden (anak) maka tindakan protes berlaku dengan menjerit diiringi tindakan pergerakan badan. Malah, responden (anak) menunjukkan tindakan protes tentang sesuatu yang tidak menepati kemahuan dengan menangis. Tangisan yang berlaku tidak menunjukkan masalah tidak normal. Melalui tangisan dapat dilihat responden (anak) adalah kanak-kanak yang mempunyai suara dan menunjukkan ciri seperti kanak-kanak normal lain.

Namun begitu, dalam usia lima tahun responden (anak) tidak dapat berkomunikasi dengan baik seperti kanak-kanak normal dalam usia yang sama. Malah, komunikasi responden (anak) memerlukan bantuan komunikasi badan secara tidak verbal untuk meminta sesuatu. Hal ini berlaku kerana, responden (anak) tidak dapat menggunakan komunikasi verbal dengan baik. Oleh yang demikian, bagi memenuhi sesuatu yang diinginkan responden (anak) maka komunikasi tidak verbal digunakan. Situasi ini berlaku apabila ingin meminta makanan, minuman dan ke tandas. Tidak menggunakan ungkapan ayat seperti kanak-kanak normal tetapi menggunakan bahasa badan dengan bantuan pancainderanya.

Jika ingin meminta makanan kerana kelaparan, responden (anak) akan menunjukkan protes dengan menjerit kepada responden (ibu). Malah, responden (anak) dilihat menarik tangan responden (ibu) ke arah makanan yang diinginkan olehnya. Begitu juga situasi yang berlaku apabila responden (anak) berasa dahaga dan ingin minum sesuatu. Responden (anak) menarik tangan responden (ibu) dan menunjukkan ke arah air yang ingin diminum. Malah, cara ini juga merupakan komunikasi yang boleh difahami oleh responden (ibu). Komunikasi tidak verbal berlaku kerana tidak wujud komunikasi melalui pertuturan yang dapat menghubungkan maklumat untuk difahami oleh responden (ibu) dan responden (anak).

Situasi apabila ingin ke tandas pula lebih bersifat bahasa badan. Apabila responden (anak) ingin membuka seluar yang dipakai. Melalui perlakuan tersebut maka responden (ibu) memahami kehendak responden (anak) untuk ke tandas. Selain itu, responden (anak) menggunakan jari telunjuknya untuk menunjukka ke arah tandas bagi memberikan pemahaman kepada responden (ibu) bahawa hasratnya untuk ke tandas. Situasi ini berlaku kerana penggunaan pancaindera dapat membantu sesuatu maklumat disampaikan dengan lebih berkesan antara responden (anak) dan

responden (ibu). Walaupun ia berlaku secara tidak verbal melalui pertuturan atau penulisan tetapi komunikasi bahasa badan atau tidak verbal dapat membantu mencapai matlamat antara dua atau lebih manusia yang terlibat dalam komunikasi.

Komunikasi yang berlaku secara tidak verbal masih berkesan kepada responden (ibu) dan responden (anak). Namun begitu, fizikal responden (anak) yang telah biasa diasuh dengan penggunaan komunikasi tanpa ujaran bibir memberikan impak dalam proses pembesarannya. Hal ini kerana, responden (anak) mengalami masalah dalam percakapan dalam komunikasi sosial. Situasi ini juga diistilahkan sebagai *speech delay* yang dialami oleh kanak-kanak. Walaupun, responden (anak) tidak mempunyai masalah fizikal sejak lahir tetapi persekitaran tumbesarnya memberikan kesan yang besar dalam aspek komunikasi. Persekitaran seseorang kanak-kanak memerlukan pembelajaran tidak formal yang bermula daripada ibu bapanya. Tetapi tidak semua ibu bapa mahupun penjaga dapat memberikan pembelajaran secara tidak formal kepada anak yang sedang membesar.

Kemampuan pertuturan responden (ibu) yang terhad kesan latar belakangnya telah memberikan kesan tersebut kepada responden (anak). Hal ini demikian kerana, responden (ibu) yang tidak dapat menguasai bahasa secara verbal dengan baik telah menyekat perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu yang sepatutnya dikuasai sebagai bahasa pertama (B1). Oleh yang demikian, responden (ibu) tidak dapat bertutur dengan baik menggunakan bahasa Melayu (B1) dengan betul. Walhal, dari aspek fizikal responden (ibu) tidak bisu dan hanya mengalami masalah pendengaran sejak lahir. Namun begitu, pendedahan awal tentang keperluan pendidikan khas serta penggunaan alat bantu pendengaran yang gagal dilakukan sejak awal memberikan impak dalam kehidupannya hingga dewasa.

Malah, keperluan bahasa yang menjadi alat komunikasi bagi menyampaikan sesuatu maklumat menjadi sukar. Sedangkan, responden (ibu) seharusnya boleh bertutur kerana mempunyai suara dan tidak bisu. Namun begitu, perkataan yang diungkapkan oleh responden (ibu) tidak dapat ditangkap dengan tepat kepada memori responden anak. Selain itu, perkataan yang diungkapkan responden ibu begitu terhad dan tidak dapat menyampaikan perkataan dengan jelas. Oleh yang demikian, perkataan tersebut menjadi pemerolehan bahasa responden anak yang juga terhad dalam perbendaharaan kata bahasa pertama (B1).

Maka, responden anak dilihat sering menggunakan bahasa badan dan jeritan tanda memprotes sesuatu perkara. Tidak dapat menggunakan bahasa atau perkataan yang betul bagi menyampaikan sesuatu maksud yang dikehendakinya. Hal ini kerana, pemerolehan bahasa daripada penjaga yang tidak mempunyai perbendaharaan kata yang meluas kesan daripada latar belakang responden ibu dalam pendidikan awalnya. Malah, responden ibu hanya mampu menggunakan bahasa yang terhad dalam komunikasinya bagi menyampaikan sesuatu maksud dengan bantuan bahasa tidak verbal bagi memahami sesuatu situasi yang dilakukan.

6.3 Perkaitan Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1960) dengan penguasaan bahasa responden ibu dan pemerolehan bahasa responden anak.

- i. Responden ibu.
Mengikuti tahap atau peringkat dalam Teori Perkembangan Kognitif Piaget, responden ibu berada pada peringkat keempat. Di mana pada peringkat ini merupakan operasi formal yang berlaku kepada manusia 12 tahun dan ke atas. Oleh kerana, responden ibu berusia 34 tahun maka pada tahap ini adalah peringkat keempat dalam peringkat teori. Pada tahap ini, manusia pemikiran manusia lebih sistematik dan boleh berfikir kepada sesuatu yang lebih abstrak. Walaupun, responden ibu merupakan seorang Orang Kelainan Upaya (OKU) fizikal yang mengalami masalah cacat pendengaran tetapi responden boleh menjalani kehidupan seperti ibu normal lain. Pada tahap ini responden ibu mengetahui dengan jelas peranannya dalam menjaga anak lelakinya. Responden ibu jelas tentang penyediaan makanan, minuman, cara menyediakan susu, menjaga kebersihan dan aspek penjagaan lain yang difikirkan penting. Hal ini menunjukkan responden ibu memahami dengan jelas tentang peraturan kehidupan seseorang manusia. Malah, tahu membezakan sesuatu yang baik dan buruk dengan apa yang dilakukan anaknya. Oleh itu, wujudnya sifat marah jika anaknya melakukan sesuatu yang buruk dan menunjukkan kenakalan.

- ii. Responden anak.
Dalam Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1960) pula responden anak berada pada tahap kedua. Tahap atau peringkat kedua berlaku pada usia dua tahun hingga tujuh tahun kepada manusia. Peringkat ini juga dikenali sebagai pra operasi yang berlaku kepada kanak-kanak. Pada masa ini kanak-kanak telah berupaya menggunakan simbol untuk menunjukkan sebarang objek di dunia ini. Begitu juga sifat yang ditunjukkan oleh responden anak yang mampu menyampaikan sesuatu maksud menggunakan bahasa badan dalam menunjukkan kemahuan dan bantahan kepada sesuatu perkara. Malah, dalam keadaan *speech delay* pada usianya masih boleh memperlihatkan sesuatu lambang bagi menyampaikan keinginannya. Oleh yang demikian, lambang atau simbol yang digunakan menjadi salah satu alat bantu dalam menyempurnakan penyampaian sesuatu maklumat. Bagi responden anak yang menjalani proses pemerolehan bahasa yang terhad maka simbol begitu penting dalam membantu mengukuhkan komunikasinya dengan orang lain.

7.0 Kesimpulan

Konklusinya, dalam penguasaan bahasa pertama (B1) responden ibu adalah berbeza daripada manusia normal kerana kekangannya sebagai seorang manusia yang mengalami masalah cacat pendengaran sepenuhnya. Lazimnya, terdapat beberapa jenis cacat pendengaran yang berlaku sama ada sepenuhnya (pekak) dan kurang pendengaran. Namun begitu, responden ibu mengalami masalah pekak sepenuhnya yang memerlukan alat bantu pendengaran yang diberikan oleh pengamal perubatan dalam bidang hidung, telinga dan tekak (ENT). Namun begitu, responden ibu merupakan Orang Kelainan Upaya (OKU) fizikal yang hanya mengalami masalah cacat pendengaran tetapi tidak bisu. Masalah cacat pendengaran juga boleh dialami secara *multiple* atau

lebih daripada satu masalah kecatatan. Hal ini juga menyebabkan berlaku masalah dalam penguasaan bahasa Melayu yang menjadi bahasa pertama (B1) responden ibu. Secara tidak langsung responden ibu tergolong dalam manusia yang mengalami masalah dalam pembelajaran kerana gagal untuk membaca, menulis dan bercakap dengan betul. Selain itu, ia menyebabkan komunikasi secara verbal responden ibu terbatas sekali gus merentatkan proses mendapatkan bahasa dengan baik kerana kegagalan mendengar yang sempurna. Malah, perkataan atau perbendaharaan kata yang digunakan oleh responden ibu hanya menyebut suku kata hujung perkataan. Di mana responden ibu tidak dapat mendengar dengan jelas suku kata hadapan perkataan. Hal ini kerana, setiap perkataan yang didengar dalam persekitarannya diberi penekanan pada suku kata hujung perkataan.

Impaknya, responden anak dalam jagaan responden ibu gagal mendapat bahasa dengan baik. Hal ini menunjukkan pemerolehan bahasa anak tersebut menjadi terhad kerana tidak dapat mendengar perkataan yang betul daripada penjaganya. Maka, pada usia empat tahun tidak ada perkataan yang jelas dapat diungkapkan daripada responden anak. Oleh yang demikian, responden anak hanya dapat berkomunikasi melalui suku kata yang terhad yang menggunakan satu suku kata sahaja. Selain itu, responden anak hanya dapat menyampaikan sesuatu maksud dan keinginan melalui tangisan, jeritan dan protes melalui bahasa badan. Malah, senyum dan ketawa menjadi simbol atau lambang yang disampaikan kepada responden ibu dan orang sekelilingnya dalam menunjukkan emosi yang sedang dialami. Tidak terhad dengan itu protes menggunakan bahasa badan menjadi lambang tidak bersetuju, bantahan dan halangannya untuk menerima sesuatu pemberian. Jelaslah bahawa, tahap penguasaan bahasa pertama (B1) responden ibu telah memberikan kesan mendalam dalam proses pembesaran responden anak walaupun dilahirkan tanpa kecacatan fizikal. Kecenderungan mendapat *speech delay* begitu tinggi kerana kegagalan mendapat bahasa sejak lahir hingga menjangkau usia empat tahun.

Namun begitu, pemerolehan bahasa kanak-kanak *speech delay* boleh ditingkatkan dengan pelbagai cara. Kelas pendidikan khas menyediakan prasarana dan silibus tertentu bagi kanak-kanak yang mengalami masalah dalam pembelajaran. Malah, latihan yang berterusan melalui teknologi moden melalui penggunaan aplikasi media elektronik dapat membantu meningkatkan perbendaharaan kata bahasa pertama (B1) kepada responden anak. Latihan yang berulang kali merupakan inisiatif terbaik dalam membantu merangsang ingatan jangka masa panjang kanak-kanak dalam proses pembelajaran. Aspek penguasaan dan pemerolehan bahasa kepada manusia normal atau berkeperluan khas tidak boleh dipandang enteng kerana boleh memberikan kesan kepada kehidupan mereka. Adalah diharapkan kajian di masa akan datang dapat meneliti cara pembelajaran yang lebih berkesan kepada kanak-kanak yang mengalami masalah dalam pemerolehan bahasa pertama (B1) mereka. Hal ini kerana, pemerolehan B1 penting bagi mendasari pemerolehan bahasa kedua (B2) untuk menguasai pembelajaran mereka.

Rujukan

Ahwy Oktradiks. (2013). Pemerolehan bahasa Pertama. *Jurnal Penelitian & Pendidikan Islam*. Vol. 4, No 1 Januari-Juni 2013, 236-247.

- Alam Budi Kusuma. (2016). Pemerolehan Bahasa Pertama sebagai Dasar Pembelajaran Bahasa Kedua (Kajian Psikolinguistik). *Jurnal Komunikasi dan Pendidikan Islam*. Vol. 5, No.2, Desember 2016, 118-141.
- Amirul Mukminin Mohamad & Zamri Mahamod. (2019). Penguasaan Kosa Kata dan Pembinaan Keyakinan Pelajar Antarabangsa dalam komunikasi Bahasa Melayu melalui Kaedah Tanya-Jawab Dua Hala. *Jurnal Personalia Pelajar*. Vol. 22(1),31-38.
- Anida Sarudin, Dahlia Janan, Zulkifli Osman & Ahmad Khair Mohd Noor. (2016). Penguasaan Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah Berdasarkan Inventori Penilaian Kemahiran Terancang. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. Vol. 4 (Jun 2016), 93-106.
- Ankit Pate. (2017). Person of the Month: Jean Piaget (1896-1980). *The International Journal of Indian Psychology*. Volume 4, Issue 4, 1-4.
- Christine Anak Linsah & Zamri Mahamod. (2018). Tahap Pengetahuan, Penerimaan dan Penguasaan Pelajar Etnik Bidayuh Bukar Sadung dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Melalui Peta Pemikiran I-Think. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. Vol. 6(3), 3 – 15.
- Constantinos N. Mantzikos & Christina S. Lappa. (2020). Difficulties and Barriers In The Education of Deaf and Hard of Hearing Individuals in The Era Of Covid-19: The Case of Greece - A Viewpoint Article. *European Journal of Special Education Research*. Vol.6, Issue 3, 75-95.
- Dailatus Syamsiyah. (2017). Analisis Deskriptif Teori Pemerolehan Bahasa Kedua. *Jurnal Komunikasi dan Pendidikan Islam*. Vol.6, No.2, Disember 2017, 59-80.
- Deny Prasetiawan. (2017). Pemerolehan Bahasa Pada Anak Suku Sasak dalam Perspektif Psikolinguistik. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*. Vol.17, No.1, April 2017, 72-80.
- Hj. Mohd Fauzi Hj. Kamarudin, Muliati Hj. Sidek, Izaidin Abdul Majid, Ismail Ibrahim, Sabri Mohamad Sharif & Mimi Nahariah Azwani Mohamed. (2008). Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris di Kalangan Staf Akademik di Sebuah Universiti Teknikal. *Prosiding SKIKS 08*. (65-74).
- Indhumathy a/p Munusamy. (2013). Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Peralihan di Tiga Buah Sekolah di Daerah Skudai. *Laporan projek Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pengajaran) Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Mei 2013.
- Izuli Dzulkifli, Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhrudin & Nor Aniza Ahmad. (2020). Cabaran Komunikasi dalam Pengajaran Pendidikan Islam kepada Murid Kurang Upaya Pendengaran. *International Journal of Islamic Thought*. Vol. 18, Dec.2020, 13-26.
- Jane Frances Kelly, Emma Louise McKinney & Odette Swift. (2020). Strengthening Teacher Education to Support Deaf Learners. *International Journal of Inclusive Education*. 1-13.
- Kayi Ntinda, S'lungile K. Thwala & Bonginkhosi Tfungi. (2019). Experiences of Teachers of Deaf and Hard- of- Hearing Students' in a Special Needs School: An Exploratory Study. *Journal of Education and Training Studies* Vol. 7, No. 7, 79-89.

- Khalid N. Alasim (2018) Participation and Interaction of Deaf and Hard-of-Hearing Students in Inclusion Classroom. *International Journal of Special Education*. Vol.33, No.2, 493-506.
- Leny Marinda. (2020). Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget dan Problematikanya pada Anak Usia Sekolah Dasar. *Jurnal Kajian Perempuan & Keislaman*. Vol. 13, No. 1, 116-152.
- Maharam Mamat. (2016). Penguasaan Bahasa Inggeris dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di UKM. *Issues in Language Studies*. Vol. 5 No. 2 – 2016, 28-42.
- Marcia J. Hay-McCutcheon, Adriana Hyams, Xin Yang & Jason Parton. (2018). *Hearing Loss and Social Support in Urban and Rural Communities*. *International Journal of Audiology*. Vol. 57(8), 1-8.
- Muhammad Khoiruzzadi & Tiyas Prasetya. (2021). Perkembangan Kognitif dan Implikasinya dalam Dunia Pendidikan (Ditinjau Dari Pemikiran Jean Piaget dan Vygotsky). *Jurnal Madaniyah*. Vol.11, No.1 Edisi Januari 2021, 1-14.
- Muhamad Nadhir Abdul Nasir & Alfa Nur Aini Erman Efendi. (2016). Special education for children with disabilities in Malaysia: Progress and obstacles. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*. Vol.12, Issue 10, 78 – 87.
- Muhammad Norsyafiq Bin Zaidi, Nur Shahira Binti Mohd Hussni, Wan Nur Azira Binti Wan Mahmood, Che Nor Sirrah Binti Che Ismadi & Karim Harun.(2019). Tahap Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak Dari Aspek Sintaksis. *Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK2019)*. 231-237.
- Nik Hassan Seman, Mustafa Che Omar, Abdullah Yusoff & Mohd Yusof Abdullah. (2016). Analisis Permasalahan Pelajar Cacat Pendengaran dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Ilmi*. Jilid 6, 2016, 105-124.
- Noermanzah.(2020). Bahasa sebagai Alat Komunikasi, Citra Pikiran, dan Kepribadian. *Program Studi Magister Pendidikan Bahasa Indonesia, Universitas Bengkulu (Dipresentasikan Tahun 2020)*.1-20.
- Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman. (2018). Tahap Penguasaan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 8, Bil. 1 (Mei 2018), 74-83.
- Nurmasturah Jamil, Noor Asliza Abdul Rahim & Shuhairimi Abdullah. (2020). Penguasaan Kosa Kata dalam Komunikasi Bahasa Asing. *Journal of Human Development and Communication*. Vol. 9, 2020, 99-108.
- Nur Nadirah Zulkefli & Vijayaletchumy Subramaniam. (2018). *Paralinguistik dalam Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak*. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. Vol.1, 1-13.
- Nuryati & Darsinah. (2021). Implementasi Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget dalam Pembelajaran Matematika di Sekolah Dasar. *Jurnal Papeda*. Vol 3, No 2, Julai 2021, 153-162.
- Ratna Hanin Salleh Udin. (2016). Meningkatkan Pertuturan dan Pembacaan Murid-Murid Bermasalah Pendengaran Melalui Kaedah Sebut Baca Bergambar. *Asian Education Action Research Journal (AEARJ)*. Vol. 5, 58-71.
- Ridho Agung Juwantara. (2019). Analisis Teori Perkembangan Kognitif Piaget pada Tahap Anak Usia Operasional Konkret 7-12 Tahun dalam Pembelajaran Matematika.

- Al-Adzka. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah*. Vol.9, No.1 (Jun 2019), 27 – 34.
- Siti Muhibah Hj Nor & Zetty Nurzuliana Rashed. (2018). Peranan Dan Cabaran Guru-Guru Pendidikan Khas Membentuk Kemenjadian Murid-Murid Masalah Pendengaran dalam Abad Ke 21. *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol. 1 (1) June 2018, 2590- 3799.
- Siti Noridayu Abd.Nasir, Hazlina Abdul Halim & Sharil Nizam Sha'ri. (2019). Pemerolehan Bahasa Wanita Dewasa Pekak Melalui Analisis Neuropsikolinguistik. *Seminar Linguistik dan Bahasa (SLIBA 2019). 25 Julai 2019. EUREKA, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang*. 130-137. pelajar prauniversiti. *Tesis Master. Universiti Putra Malaysia*.
- Weli Sundari. (2018). Pemerolehan Bahasa. *Jurnal Warna*. Vol. 2, No. 1, Juni 2018. 54-75.
- Zalikha Mat Saad & Normahdiah Syeik Said. (2015). Konsep Makna Kata dalam Kalangan Kanak-kanak Berdasarkan Lakaran Visual 2D dan 3D Terpilih. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. Vol.2, 61-73.
- Zana H. Babakr, Pakistan Mohamedamin & Karwan Kakamad. (2019). Piaget's Cognitive Developmental Theory: Critical Review. *The Asian Institute of Research Education Quarterly Reviews*. Vol.2, No.3, 2019, 517-524.